



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 311/2000

### PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PEWAKILAN KUASA) (PENYIASATAN PEMBAKARAN TERBUKA) 2000

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

21 Ogos 2000

Tarikh mula berkuatkuasa :

21 Ogos 2000

---

#### SUSUNAN PERINTAH

---

#### [Mukadimah](#)

Perintah 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa](#)

Perintah 2. [Pewakilan kuasa](#)

#### [JADUAL](#)

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 49(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Ketua Pengarah membuat perintah yang berikut:

### **Perintah 1. Nama dan permulaan kuat kuasa**

(1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 Ogos 2000.

### **Perintah 2. Pewakilan kuasa**

Ketua Pengarah mewakilkkan kuasa di bawah seksyen 38 (kecuali kuasa untuk menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana kenderaan, kapal atau pesawat udara) dan seksyen 38A Akta kepada pegawai yang dinyatakan dalam Jadual bagi maksud untuk menyiasat kesalahan di bawah seksyen 29A Akta.

## **JADUAL**

(a) Mana-mana Penguasa, Penguasa Percubaan, Penolong Kanan Penguasa, Penolong Penguasa Percubaan, Pegawai Bomba Gred 1, Pegawai Bomba Gred II dan Pegawai Bomba Gred III di Jabatan Bomba dan Penyelamat.

(b) Mana-mana pegawai polis yang bertanggungjawab ke atas mana-mana balai polis.

(c) Mana-mana Pegawai Perubatan, Pengarah Kesihatan Negeri, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Pegawai Kesihatan Daerah, Jurutera Kesihatan Awam dan Inspektor Kesihatan di Kementerian Kesihatan.

(d) Mana-mana Pegawai Kesihatan, Pegawai Alam Sekeliling, Pegawai Penguat Kuasa, Inspektor Kesihatan, Penolong Pegawai Penguat Kuasa, Pembantu Kesihatan Awam, Penyelia Kebersihan, Pegawai Bandaraya, Pegawai Perbandaran dan Penolong Penguat Kuasa mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.

(e) Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Pegawai Alam Sekeliling, Inspektor Kanan Kesihatan dan Inspektor Kesihatan di Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(f) Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan Penguasa Pembersihan Bandaraya di Jabatan Kawalan Pembersihan Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(g) Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah, Penolong Pengarah, Penguasa, Timbalan Penguasa, Ketua Inspektor, Inspektor, Penolong Inspektor, Sarjan Mejar dan Sarjan di Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(h) Timbalan Pengarah II, Juruukur Bangunan, Jurutera, Juruteknik Kanan, Juruteknik, Pembantu Juruteknik Kanan dan Penolong Juruteknik Bahagian di Bahagian Kawalan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(i) Timbalan Setiausaha 1, Pegawai Majlis Perbandaran, Penolong Pegawai Penguat Kuasa dan Penolong Penguat Kuasa di Majlis Perbandaran Labuan.

Dibuat 29 Julai 2000.

[KSTAS260. 010A002 Jld. 4; PN(PU<sup>2</sup>) 280/VI]

HAJJAH ROSNANI BT IBARAHIM  
*Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling*

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD